

11/03/1997

Perancis mahu jadi rakan dialog

KUALA LUMPUR, Isnin - Perancis berhasrat menjadi rakan dialog Forum Serantau Asean (ARF) untuk menyumbang kerjasama secara langsung dalam soal keselamatan serantau.

Hasrat itu disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, oleh Menteri Pertahanannya, Charles Millon, di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar Jaafar, berkata Dr Mahathir dan Millon berbincang mengenai soal keselamatan, ARF dan hubungan Eropah dengan Asean.

(END)